

**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**20 APRIL 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 83 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 370,132 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 502 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 359,066 orang. Manakala 220 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 218 orang di hospital, dua (2) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC). Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 14 orang merangkumi 11 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan lapan (8) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Jingga sembilan (9) daerah
- Zon Merah sembilan (9) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah jangkitan baharu tidak banyak berubah daripada jumlah kelmarin dan masih di bawah paras angka 100. Jumlah kes baharu ialah 83 kes, pertambahan empat (4) kes berbanding sebelumnya.
- b. Keadaan di semua daerah kekal stabil. Sebanyak 13 daerah merekodkan pertambahan jumlah jangkitan baharu berbanding sembilan (9) daerah yang mencatatkan penurunan kes. Kecuali Kota Kinabalu yang mencatat penurunan 13 kes tidak ada perubahan angka yang signifikan di daerah-daerah lain, samada bertambah atau berkurangan. Lima (5) daerah mencatatkan jumlah yang sama seperti jumlah kelmarin.
- c. Sekali lagi adalah di peringatkan bahawa kadar jangkitan sporadik masih tinggi dan hari ini, 54.2% daripada semua kes baharu. Elak daripada lalai mematuhi semua SOP. Kejayaan kita melawan pandemik banyak bergantung kepada sikap masyarakat sendiri.
- d. Dua (2) daerah mencatatkan kes baharu dua (2) angka hari ini, iaitu Kota Kinabalu 13 kes (-13) dan Sandakan 10 kes (+4). Sebanyak 16 daerah lagi mencatatkan kes satu angka dengan 13 daripada daerah-daerah tersebut mencatat antara satu (1) hingga lima (5) kes baharu. Tidak ada kes baharu di sembilan (9) daerah iaitu Tambunan, Kuala Penyu, Telupid, Sipitang, Pitas, Beaufort, Tongod, Kalabakan dan Putatan.
- e. Seramai 80 orang daripada 83 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dua (2) pesakit dalam Kategori 4 dan seorang (1) pesakit dalam Kategori 5. Tidak ada pesakit dilaporkan dalam Kategori 3.

## **ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

**a.** Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	14	16.87%
3	Bergejala	45	54.22%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	24	28.91%
<b>JUMLAH</b>		<b>83</b>	<b>100%</b>

**b.** Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (19 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 19/04/2022	Catatan Kes 20/04/2022	Perbandingan
1	Tawau	4	8	+4
2	Sandakan	6	10	+4
3	Penampang	5	9	+4
4	Papar	2	6	+4
5	Keningau	2	5	+3
6	Kudat	2	4	+2
7	Nabawan	0	2	+2
8	Kunak	0	2	+2
3	Beluran	0	2	+2
10	Ranau	1	3	+2
11	Kinabatangan	1	2	+1
12	Tenom	2	3	+1
13	Lahad Datu	1	2	+1
14	Tuaran	5	5	Mendatar
15	Semporna	4	4	Mendatar
16	Kota Belud	1	1	Mendatar
17	Kota Marudu	2	2	Mendatar
18	Kalabakan	0	0	Mendatar
19	Kota Kinabalu	26	13	-13
20	Beaufort	5	0	-5
21	Telupid	2	0	-2
22	Putatan	2	0	-2
23	Kuala Penyu	2	0	-2
24	Tongod	1	0	-1
25	Pitas	1	0	-1
26	Sipitang	1	0	-1
27	Tambunan	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>79</b>	<b>83</b>	<b>+4</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	1	9	0	3	13	374
Sandakan	0	3	5	0	2	10	123
Penampang	0	2	4	0	3	9	160
Tawau	0	0	4	0	4	8	78
Papar	0	1	5	0	0	6	116
Tuaran	0	3	1	0	1	5	87
Keningau	0	2	2	0	1	5	32
Semporna	0	0	1	0	3	4	18
Kudat	0	0	3	0	1	4	34
Ranau	0	0	1	0	2	3	36
Tenom	0	1	2	0	0	3	53
Kota Marudu	0	0	1	0	1	2	30
Lahad Datu	0	0	1	0	1	2	28
Beluran	0	0	1	0	1	2	10
Kunak	0	0	2	0	0	2	7
Nabawan	0	1	1	0	0	2	7
Kinabatangan	0	0	1	0	1	2	13
Kota Belud	0	0	1	0	0	1	23
Beaufort	0	0	0	0	0	0	78
Putatan	0	0	0	0	0	0	49
Pitas	0	0	0	0	0	0	13
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	35
Sipitang	0	0	0	0	0	0	20
Telupid	0	0	0	0	0	0	23
Tongod	0	0	0	0	0	0	6
Tambunan	0	0	0	0	0	0	23
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	4
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>14</b>	<b>45</b>	<b>0</b>	<b>24</b>	<b>83</b>	<b>1480</b>

- 6 Tiada **kluster baru** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 1,214 unit.
- Hospital 1,162 unit.
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 24 unit
  - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.12 %.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 20 APRIL 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	73
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	7
<b>Jumlah</b>	<b>83</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Jepun	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	71
Bukan Malaysia	12
<b>Jumlah</b>	<b>83</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	6
Belum Menerima Vaksin (5-11)	4
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	6
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	35
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	31
<b>Jumlah</b>	<b>83</b>

lv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1-4	4
5 -11	6
12-17	12
18-29	17
30-39	12
40-49	16
50-59	8
60-69	1
70-79	5
80-89	0
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>83</b>

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 19 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,514 orang. Daripada jumlah ini, seramai 730 orang adalah penduduk dewasa, 235 orang adalah penduduk remaja dan 2,549 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 19 April 2022 adalah seramai 2,574,042 orang. Ini meliputi 2,134,049 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.56% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,437,424 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,477 orang atau 76.99% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,056 orang atau 78.38% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 317,997 atau 74.61% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 105,937 atau 25.75% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 27,950 atau 6.79% orang.

**D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 173 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 58 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 774 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 1,160 premis perniagaan dan 2,073 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 114 Premis Perniagaan melibatkan 44 anggota APM.
- 4 Sejumlah 17 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 182 hebahan di seluruh Sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	98.9%
2	Semporna	98.9%
3	Beluran	98.8%
4	Kota Belud	98.7%
5	Kota Marudu	98.7%
6	Ranau	98.7%
7	Kudat	98.6%
8	Kunak	98.6%
9	Sipitang	98.5%
10	Tenom	98.5%
11	Kota Kinabalu	98.5%
12	Papar	98.5%
13	Keningau	98.4%
14	Tawau	98.4%
15	Beaufort	98.4%
16	Penampang	98.3%
17	Lahad Datu	98.3%
18	Tuaran	98.3%
19	Sandakan	98.3%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**